

# Kolej kediaman Tun Fuad juara keseluruhan

## Liga Sukan UMS

02 1.5.2018 8

KOTA KINABALU: Kolej kediaman Tun Fuad muncul juara keseluruhan pada kejohanan Liga Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berakhir di kompleks sukan UMS pada Ahad lepas.

Mereka memenangi lima emas dan dua perak, dengan emas dimenangi dalam acara futsal lelaki, sepak takraw, bola tampar lelaki dan wanita serta pasukan catur.

Tempat kedua dimenangi oleh kolej kediaman Excellent dengan empat emas daripada futsal wanita, bola jaring, bola sepak dan pasukan badminton, sementara tempat ketiga ialah kolej kediaman Kingfisher dengan dua emas dalam bola keranjang lelaki dan wanita.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Abdullah menyampaikan hadiah kepada pemenang pada majlis penutupan. - GL Oh